

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
KAWASAN : SHAH ALAM
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 48

TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada kerajaan Malaysia akan menandatangani perjanjian TPPA dan sekiranya ya mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pendekatan Kerajaan Malaysia apabila merundingkan perjanjian perdagangan antarabangsa adalah berdasarkan kepada faedah jangka panjang yang akan diperolehi oleh Malaysia. Faktor pertimbangan tidak berubah ketika Kerajaan pada tahun 2009 membuat keputusan untuk menyertai rundingan Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA). Rasional penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah sama dengan penyertaan Malaysia dalam ASEAN dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN iaitu AFTA. Sekiranya dilihat, Malaysia telah mendapat faedah dari penyertaan dalam ASEAN dan AFTA. Dari segi statistik, perdagangan Malaysia dengan ASEAN telah meningkat lebih dari 7 kali ganda kepada RM375 bilion pada tahun 2013 berbanding RM52.2 bilion pada tahun 1991. Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA, kredibiliti Malaysia sebagai

negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas. Malah, pengeksport Malaysia akan menghadapi saingan hebat di pasaran TPP berbanding negara-negara pesaing yang menjadi ahli seperti Viet Nam dan Singapura akan mendapat layanan keutamaan.

Dari segi pelaburan, sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA, pelabur asing mungkin lebih cenderung memilih negara ahli TPPA lain sebagai destinasi untuk pelaburan mereka memandangkan produk pengeluaran mereka dapat menikmati manfaat akses pasaran melalui layanan tarif berkeutamaan di antara negara rakan TPPA. Ada juga kemungkinan pelaburan asing yang sedia ada di negara kita akan berpindah ke negara ahli TPPA contohnya ke Negara Viet Nam. Ini akan menjejaskan peluang pekerjaan dan seterusnya ekonomi negara.

Selain itu, pasaran TPPA di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPPA seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPPA akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rangkaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang.

Untuk makluman para hadirin dalam dewan mulia ini, hasil analisis pasukan perunding dalam akses pasaran bagi barangan telah menunjukkan bahawa Malaysia berpotensi meraih peluang yang besar dengan pembukaan 4 pasaran baru yang Malaysia kini tidak mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bersama. Dengan menggunakan hanya satu perjanjian, barangan Malaysia boleh memasuki pasaran Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru pada kadar duti yang rendah dan kompetitif.